

TARIKH: 4/8/23

SURAT KHABAR: *utusan Malaysia (Jumaat)*

MUKA SURAT: 30

Ramai tidak daftar skim suri rumah

Oleh MUHAMMAD
SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamulia.com.my

JASIN: Tanggapan Skim Ke-selamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) hanya untuk isteri yang tidak bekerja menyebabkan masih ramai suami yang tidak mencarum skim berkenaan.

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Melaka, Abd. Razak Omar berkata, setakat Jun 2023, seramai 6,292 suri rumah mendaftar SKSSR tetapi jumlah itu masih rendah berbanding sasaran 15,000 orang.

Jelas beliau, SKSSR boleh dicarum oleh semua suri rumah tanpa mengira mereka sepenuh masa atau separuh masa.

"Itu yang saya hendak ingatkan, bukan setakat peranan orang berinsurans (OB) tetapi juga peranan suami sangat pen-

“Suami kena main peranan untuk pastikan semua keluarga mereka dilindungi di bawah skim ini.”

ABD. RAZAK OMAR

ting. Kita harapkan pihak suami yang mainkan peranan tetapi selepas beberapa lama tidak ramai suami yang hendak berbuat demikian.

"Kita mengalu-alukan suri rumah membuat pendaftaran. Tetapi tugas mencarum di bawah skim ini tidak hanya tertakluk kepada suri rumah

sebaliknya kepada suami yang bertanggungjawab ke atas isteri tersebut.

"Suami kena main peranan untuk pastikan semua keluarga mereka dilindungi di bawah skim ini," katanya dalam sidang akbar selepas menyampaikan sumbangan Skuad Prihatin Perkeso di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Ngwe Hee Sem.

Terdahulu, Hee Sem menyampaikan elauan keuzuran, bantuan rawatan dialisis bulanan dan kotak prihatin Perkeso kepada OB, T. Kogilavani, 51, di bawah SKSSR.

Dalam pada itu, Hee Sem berkata, setakat ini Perkeso membuat bayaran untuk empat kes kematian membabitkan suri rumah yang mencarum di bawah SKSSR.



NGWE Hee Sem (tengah) dan Abd. Razak Omar (dua dari kiri) menyampaikan bantuan kepada T. Kogilavani (empat dari kanan) di rumahnya di Rim, Jasin, Melaka.

*utusan Malaysia
(Jumaat)
4/8/23
MS 30*